

10 APR 1996

Parlimen-universiti

PENUBUHAN UNIVERSITI ASIA-EROPAH AKAN DIPERCEPATKAN

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Penubuhan universiti Asia-Eropah kini di peringkat perancangan dan penubuhannya akan dipercepatkan, kata Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dalam jawapan bertulis kepada Encik Karpal Singh (DAP-Jelutong) pada persidangan Dewan Rakyat, katanya, penubuhan sesebuah universiti memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang terperinci dan mengambil masa panjang.

Katanya, kementerian telahpun menubuhkan satu pasukan petugas untuk merencana dan merancang aktiviti-aktiviti yang boleh menggalakkan pertemuan fikiran Asia dan Eropah sepertimana yang disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat pertama Asia-Eropah di Bangkok bulan lepas.

Menurutnya, pasukan petugas itu dianggotai agensi-agensi luar dan juga universiti-universiti tempatan.

Dalam jawapan bertulis Encik Lim Kit Siang (DAP-Tanjung) yang ingin tahu jumlah universiti swasta yang akan ditubuhkan, Najib berkata kementerian perlu berhati-hati mengenai penubuhan universiti swasta di negara ini dan banyak faktor yang perlu dipertimbangkan terutamanya daripada segi kredibiliti universiti dan kualiti pendidikan yang ditawarkan.

Katanya, kementerian tidak mahu tergesa-gesa dalam menentukan bilangan dan kriteria berkaitan dan perkara ini masih dalam penyelidikan dan pertimbangan bagi membolehkan dasar-dasar yang mantap ditetapkan.

Dalam jawapan bertulis kepada Haji Mokhtaruddin Wan Yusof (BN-Dungun) berhubung kenaikan pangkat pensyarah universiti, Najib berkata garis panduan kenaikan pangkat memberi penekanan kepada lima tugas utama seseorang pensyarah iaitu pengajaran, penyelidikan, penebitan, perundingan dan khidmat masyarakat.

-- Bernama.

ARA AHH